HARIAN METRO
ISNIN 1 OKTOBER 2018

POTENSI BESAR 'BUDAK KAYU'

1

Industri perlu lebih ramai tenaga mahir

INFO

PROSPEK KERJAYA

Peluang pekerjaan pelajar selepas menamatkan pengajian dengan Diploma Teknologi Berasaskan Kayu adalah seperti berikut:

- *Pereka Produk Kayu*
- *Juruteknik Penggred Kayu*
- *Pembantu Makmal*
- *Pegawai Kawalan dan Jaminan Kualiti*
- *Penyelia*
- *Penolong Pegawai Pemasaran*
- *Penolong Pegawai Penyelidik*
- *Pengusaha Produk Kayu*

FOKUS

DARI MUKA V25

Setakat Mei lalu, pendapatan eksport perkayuan dan produk kayu bagi 2018 pula mencecah RM8.9 bilion.

Pensyarah Program Teknologi Berasaskan Kayu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) Shah Alam, Nurin Hafilah Hamzah berkata, industri perkayuan kini tidak seperti suatu ketika dulu kerana kebanyakan kemahiran yang diterapkan berasaskan teknologi moden.

Katanya, industri perkayuan dan perabot terus-menerus memberi sumbangan terbesar kepada pembangunan serta kemajuan sosioekonomi negara.

Permintaan perabot dan produk kayu tetap meningkat dan industri berkenaan memerlukan lebih ramai tenaga mahir bagi memastikannya terus berkembang.

"Ramai dalam kalangan masyarakat hari ini tidak menyedari potensi industri perkayuan masih luas dan besar," katanya.

Katanya, ia terbukti melalui kemasukan ke PSA apabila jumlah penuntut yang memilih untuk mengikuti kursus perkayuan masih kecil berbanding kursus lain.

"Pandangan segelintir masyarakat berpendapat 'budak kayu' tiada peluang kerja sebaik tamat pengajian antara yang menyebabkan kursus ini kurang digemari. Hampir 80 peratus penuntut yang mengikuti program ini pula adalah kursus bukan pilihan," katanya.

Menurutnya, kerjasama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) menjadikan program perkayuan kini selari dengan kemajuan teknologi semasa apabila pelbagai peralatan moden dan komputer diguna pakai ketika sesi latihan bengkel.

Pada masa sama, program perkayuan turut bermatlamat melahirkan tenaga kerja separuh mahir dan mahir dalam bidang Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memenuhi keperluan mencapai status negara berpendapatan tinggi.

"Di PSA, bagi menghadapi

2



3